

Maxis: Bukti keyakinan Arab Saudi terhadap ekonomi Malaysia

Um - 27/6/2007

ROM 26 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menyifatkan pengambilan alih pegangan oleh Saudi Telecom Company (STC) dalam Maxis Communications Bhd. sebagai petanda keyakinan kerajaan Arab Saudi terhadap ekonomi Malaysia.

Abdullah yang gembira dengan berita berkenaan berkata, pengambilan pegang-

an 25 peratus dalam Maxis pada AS\$3.05 bilion atau kira-kira RM11 bilion merupakan 'pelaburan tunggal terbesar sehingga kini'.

"Ia mencerminkan keyakinan kerajaan mereka terhadap ekonomi kita, perancangan yang sedang kita usahakan pada masa ini," kata beliau pada sidang akhbar di sini hari ini sempena lawatan beliau ke Itali.

"Ia merupakan sesuatu yang boleh membuatkan kita amat gembira, bukan mudah untuk melabur sejumlah besar wang. Itu satu jumlah yang banyak," katanya.

STC berkata, pegangan strategiknya sebanyak 25 peratus dalam Maxis akan membolehkannya menembusi pasaran telekomunikasi yang lumayan di Malaysia, Indonesia dan India.

STC, syarikat telekomunikasi kebangsaan Arab Saudi yang menawarkan perkhidmatan telefon talian tetap, mudah alih, data dan Internet akan menyertai langkah permodalan semula dan penyusunan semula organisasi Binariang di mana, di bawah terma pengambilalihan swasta sekarang, ia akan menguasai seratus peratus Maxis.

nama